

## Genesis Autograf Sejarah Melayu<sup>1</sup>

V. THILAGAVATHI GUNALAN

Genesis Sejarah Melayu telah kerap diperbincangkan oleh sejarawan dan sasterawan namun pengamatan atau penelitian sarjana-sarjana teks Sejarah Melayu setakat ini menunjukkan pelbagai pandangan yang berbeza mengenai genesisnya. Siapakah yang mengarang teks induk atau otograf Sejarah Melayu dan bilakah karya agung ini dihasilkan? Dimanakah agaknya penulisan tentang teks autograf Sejarah Melayu mula-mula sekali diusahakan? Sejak tahun 1930an, terdapat beberapa pandangan yang dikemukakan berhubung dengan genesis Sejarah Melayu oleh beberapa sarjana teks Melayu tradisional. Dalam kes lokasi penulisan Sejarah Melayu misalnya para sarjana yang membincangkan tentang genesis Sejarah Melayu mempunyai pendirian yang berbeza mengenai Goa di India, Sulawesi, Pahang dan Bentan, tetapi yang paling menarik dalam perbezaan ini adalah persamaan nama Goa dalam setiap pandangan tersebut. Dalam artikel ini, tujuan saya adalah untuk membicarakan aspek historiografi yang lebih menekankan kepada genesis Sejarah Melayu iaitu siapakah pengarangnya, bila dan di mana karya autograf Sejarah Melayu ini dikarang. Persoalan-persoalan siapa, bila dan di mana telah menjadi perbincangan utama sejak Sejarah Melayu pertama kali diterjemahkan ke dalam Bahasa Inggeris dan hingga ke hari ini, perbincangan genesis masih berterusan. Dalam artikel ini, penulis akan menggunakan edisi Sejarah Melayu C.C.Brown sebagai rujukan utama yang merupakan terjemahan dari Raffles MS No.18<sup>2</sup> dan juga edisi A. Samad Ahmad (1979).<sup>3</sup> Walaupun belum wujud lagi satu edisi Sejarah Melayu yang benar-benar ilmiah, kritis dan memuaskan tetapi kedua-dua teks ini dapat mewakili perbincangan yang kritikal apabila disokong dengan penulisan-penulisan lain.

### KEDUDUKAN SEJARAH MELAYU SEBAGAI *MASTERPIECE*

Sulalatus Salatin atau Sejarah Melayu bukan sahaja menafaskan keagungan dan kegemilangan kerajaan Melayu Melaka serta Raja-raja Melayunya,

## KEDUDUKAN SEJARAH MELAYU SEBAGAI MASTERPIECE

Sulalatus Salatin atau Sejarah Melayu bukan sahaja menafaskan keagungan dan kegemilangan kerajaan Melayu Melaka serta Raja-raja Melayunya, malah mencerminkan kecemerlangan bangsa Melayu. Sejarah dan kebudayaan orang Melayu direkodkan dengan begitu sempurna sekali. Kesempurnaan inilah menyebabkan Sejarah Melayu dianggap sebagai "the masterpiece of Malay traditional historiography".<sup>4</sup> Kemunculan Sejarah Melayu mula-mula sekali diketahui pada tahun 1708 iaitu kira-kira 292 tahun yang lalu apabila nama Sejarah Melayu kelihatan dalam buku Petrus van der Vorm yang bertajuk '*Introduction to the Malayan Vocabulary of Gueynier*'. Selain dari karya Petrus, nama Sejarah Melayu juga mendapat perhatian penting dalam penulisan-penulisan Barat seperti dalam karya Francois Valentijn pada kurun ke-18 yang berjudul Sejarah Ringkas Hindia-Timur (dahulu dan sekarang) (1726) dan William Marsden pada 1811, *A History of Sumatera* serta Netscher pada 1854.<sup>5</sup> Namun demikian, hanya pada tahun 1821 Sejarah Melayu mendapat perhatian khas dari seorang sarjana Barat iaitu John Leyden, merupakan orang pertama yang menterjemahkan Sejarah Melayu ke dalam bahasa Inggeris. Hasil dari penerbitan ini, Sejarah Melayu dikatakan mendapat perhatian utama dari sarjana-sarjana Barat. Menurut Maier, 'since the publication of Leyden's translation in 1821, the work has gained so much authority that it has served as a standard for traditional Malay historiography'.<sup>6</sup> Kemasyhuran dan keunggulan kedudukan Sejarah Melayu sebagai satu karya standard dapat disaksikan pada kurun ke-19 apabila Sejarah Melayu dijadikan sebagai satu bidang kajian tersendiri oleh beberapa penulis Barat dan Timur. Penulisan-penulisan yang memperkatakan tentang Sejarah Melayu sejak kurun ke-19 telah banyak menghiasi kepustakaan kita dan pada hari ini, Sejarah Melayu dianggap sebagai karya Melayu yang teragung dalam kebanyakan karya tradisional Melayu lain.

Sejarah Melayu sebagai satu karya tradisional sudah pasti mengandungi banyak catatan tentang nama, tempat dan peristiwa bersejarah yang dihuraikan dalam bentuk mitos dan legenda. Menurut Ali Ahmad, keseluruhan peristiwa baik yang benar atau tidak, dapat diberikan makna di dalam konteks kehidupan masyarakat Melayu yang mempunyai adat dan kepercayaan sendiri. Menurut beliau lagi,

Apakah pengarang Sejarah Melayu tiada tujuan lain selain daripada sekadar mencatatkan nama-nama dan peristiwa-peristiwa yang dialami oleh kerajaan

Melayu yang penuh sejarah itu? Keseluruhan *mood* atau suasana yang dibina daripada peristiwa-peristiwa, kesan-kesan, pertuturan-pertuturan dan tamsilan-tamsilan yang timbul menyarankan adanya tujuan yang lebih luas.<sup>7</sup>

Apabila kita menganalisa secara kritikal setiap petikan yang mengandungi peristiwa dan pertuturan yang berhubung dengan genesis Sejarah Melayu, menjadi jelas kenyataan Ali Ahmad bahawa adanya tujuan yang lebih luas yang hendak disampaikan oleh pengarang Sejarah Melayu. Kepentingan dalam mengkaji petikan-petikan Sejarah Melayu untuk mengupas kandungan sejarah juga ditekankan oleh A. Samad Ahmad. Menurut beliau, isi mukadimah teks Sejarah Melayu menawarkan sumber sejarah yang sangat bernilai mengenai riwayatnya dan beliau menyatakan bahawa,

Tidak ragu-ragu lagi bahawa rahsia mengenai asal-usul Sulalatus Salatin itu, adalah tersimpul di dalam isi mukadimah pengarang atau penyusunnya; dan dengan meneliti, menghalusi isi mukadimah dari naskah-naskah yang ayat-ayatnya tidak berkacau-bilau, maka tidaklah begitu sukar rasanya untuk memahami satu persatu maksudnya.<sup>8</sup>

Namun demikian, tidak semestinya satu perenggan atau isi mukadimah di dalam Sejarah Melayu dapat membuka rahsia mengenai genesisnya, malah keseluruhan kandungan teks Sejarah Melayu serta kesemua naskah Sejarah Melayu harus diambilkira dan sekaligus termasuk juga karya penulisan Timur dan Barat. Segala hujah dan pendapat para sarjana Timur dan Barat wajar diberi perhatian dan bukannya 'tidak manasabah' seperti yang disebutkan oleh A. Samad Ahmad.<sup>9</sup> Satu petikan atau isi mukadimah Sejarah Melayu sahaja tidak dapat memberi penjelasan secara kritikal tetapi memerlukan kajian perbandingan dengan sumber-sumber sejarah yang lain.

## SIAPAKAH PENGARANG AUTOGRAF SEJARAH MELAYU

Terdapat 32 naskah dan 6 edisi Sejarah Melayu yang membentuk satu koleksi rujukan yang besar.<sup>10</sup> Koleksi besar ini adalah salinan dari naskah autograf Sejarah Melayu yang merupakan satu aset penting dalam menyelidiki asal-usul Sejarah Melayu terutamanya dalam menghadapi persoalan siapakah pengarang autograf Sejarah Melayu.

Terdapat tiga pandangan yang berbeza mengenai pengarang naskah autograf Sejarah Melayu iaitu pertamanya, Tun Seri Lanang. Manakala pandangan kedua menyatakan bahawa Orang Kaya Sogoh adalah

pengarang autograf Sejarah Melayu. Diikuti dengan pandangan ketiga yang menyatakan bahawa pengarang naskah autograf Sejarah Melayu adalah tidak diketahui. Secara umumnya para sarjana Timur menganggap pengarang naskah autograf Sejarah Melayu adalah Tun Seri Lanang. Di antaranya adalah Teuku Iskandar (1967)<sup>11</sup>, Liaw Yock Fang (1975)<sup>12</sup>, A. Samad Ahmad (1979)<sup>13</sup>, Muhd. Yusof Ibrahim (1988)<sup>14</sup>, Muhammad Hj. Salleh (1997)<sup>15</sup>, Muhd. Yusoff Hashim (1992)<sup>16</sup> dan Siti Hawa Salleh (1999)<sup>17</sup>. Pendapat mereka adalah berdasarkan kepada Muqadimmah edisi A. Samad Ahmad atau Shellabear. Ini adalah kerana kebanyakan sarjana Timur merujuk kepada edisi Shellabear dan A. Samad Ahmad dan mengenyahkan 32 naskah serta 4 edisi Sejarah Melayu yang membentuk satu koleksi rujukan yang besar. Berhubung dengan bilangan naskah Sejarah Melayu, Yusoff Iskandar dan Abdul Rahman Kaeh, dua sarjana Sejarah Melayu menyatakan bahawa,

Bilangan pelbagai naskah yang banyak ini sangat merumitkan. Tetapi disinilah juga timbul kepentingannya, iaitu dari naskah-naskah inilah satu ketepatan dapat dibuat bahawa memang ada sebuah kitab asal sejarah lama yang kita namakan dewasa ini sebagai Sejarah Melayu.<sup>18</sup>

Sekiranya pelbagai bilangan naskah ini penting untuk menentukan kitab asal atau teks autograf Sejarah Melayu<sup>19</sup>, maka sudah tentulah pelbagai bilangan naskah ini amat penting dalam mengkaji genesis Sejarah Melayu.<sup>20</sup>

C.H. Wake dalam kajiannya bertajuk 'Melaka in the Fifteenth century: Malay historical traditions and the politics of Islamization' (1983) mengutarakan nama Orang Kaya Sogoh sebagai pengarang autograf Sejarah Melayu.<sup>21</sup> Daripada kajian C.H. Wake, didapati nama Orang Kaya Sogoh timbul dalam beberapa manuskrip iaitu Maxwell No.35, No.39 dan No.80, Farquhar No.5 dan Raffles No.68. Misalnya Farquhar No.5 mencatatkan 'suatu cerita yang dibawa oleh Orang Kaya Sogoh dari Goa' manakala Raffles No.68 pula berbunyi demikian, 'suatu cerita Melayu yang berada di tangan Orang Kaya Suku dari Goha'.<sup>22</sup> Manakala terjemahan Leyden mencatatkan, 'Satu cerita Melayu [...] dibawa oleh Orang Kaya dari tanah Gua'.<sup>23</sup>

Menurut Wake, kisah Orang Kaya Sogoh ada tercatat dalam Raffles MS No. 18. Beliau menyatakan bahawa Orang Kaya Sogoh adalah cicit kepada Bendahara Tun Perak dan isteri Tun Mutahir adalah ibu saudara Orang Kaya Sogoh. Orang Kaya Sogoh juga dikatakan terlibat dalam perjuangan mempertahankan Melaka dari serangan Portugis pada tahun 1511 dan pada ketika itu beliau hanya seorang budak kecil.<sup>24</sup>

Peranan Orang Kaya Sogoh diinterpretasikan oleh Wake sebagai pengarang naskah autograf yang menyimpan Sejarah Melayu dan bertanggungjawab untuk memeliharanya. Wake percaya bahawa Hikayat Melayu pada asalnya merujuk kepada hikayat yang dimiliki oleh Orang Kaya Sogoh dari Goha yang mungkin hidup sehingga pertengahan kurun ke-16.<sup>25</sup>

Pandangan yang membentuk idea ketiga adalah daripada Winstedt<sup>26</sup> (1938), Hsu Yun Tsiao<sup>27</sup> (1986), Cheah Boon Kheng<sup>28</sup> (1998) dan Abdul Rahman Ismail (1998)<sup>29</sup> yang menganggap Tun Seri Lanang sebagai penyusun semula dan bukannya pengarang teks autograf Sejarah Melayu. Keempat-empat sarjana ini membuat kesimpulan bahawa pengarang teks autograf Sejarah Melayu adalah tidak dikenali tetapi menyatakan bahawa Tun Bambang, dalam Raffles MS No. 18 anak kepada Sri Akar Raja Petani, adalah penyelenggara salinan teks Sejarah Melayu bertarikh 1612. Manakala Tun Seri Lanang pula dianggap sebagai penyalin terkemudian. Menurut tafsiran Winstedt, salinan awal ini diusahakan semula pada tahun 1612 oleh seorang pengarang istana. Winstedt yang merujuk Raffles MS. No. 18 termasuk terjemahan John Leyden, Maxwell MS No.39 dan MS No.80 sampai kepada kesimpulan bahawa Tun Bambang adalah penyalin teks autograf Sejarah Melayu.<sup>30</sup> Cheah Boon Kheng seorang sarjana sejarah dalam kajiannya mengenai kerajaan Melaka menyatakan bahawa pengarang teks autograf Sejarah Melayu masih tidak dikenali. Tegas Cheah, 'In fact, neither Tun Bambang nor Tun Seri Lanang was the first writer or copyist of the Sejarah Melayu. The name of that author is still unknown'.<sup>31</sup>

Menurut beliau, Tun Bambang dan Tun Seri Lanang sewajarnya dianggap sebagai penyelenggara atau penyalin semula teks autograf Sejarah Melayu. Namun beliau bersetuju bahawa Tun Bambang adalah penyelenggara semula naskah Sejarah Melayu yang mendahului Tun Seri Lanang.<sup>32</sup>

Tergolong dalam kumpulan kedua iaitu Yusoff Iskandar dan Abdul Rahman Kaeh menyatakan bahawa intipati atau karya asal Sejarah Melayu sudah dikarang di Melaka sebelum tahun 1511. Apabila Melaka tewas di tangan Portugis, seorang pembesar Johor iaitu Orang Kaya Sogoh telah membawa balik naskah autograf Sejarah Melayu ke Johor dan kemudiannya diperbaiki oleh Tun Seri Lanang dengan menggunakan nada suaranya sendiri. Menurut Yusoff dan Rahman Kaeh, Tun Seri Lanang adalah penyusun semula teks Sejarah Melayu yang dibawa dari Goa berbeza dengan pandangan Winstedt, Hsu Yun Tsiao dan Cheah Boon Kheng.<sup>33</sup> Daripada perbincangan Yusoff dan Rahman Kaeh, didapati

bahawa pengarang teks autograf tidak dikenali namanya.

Dalam penulisan zaman tradisional, nama dan personaliti penulis kurang penting dan tidak ditonjolkan sangat kerana segala hasil masyarakat adalah menjadi milik kepunyaan bersama. Menurut Teuku Iskandar, dalam tradisi literari Melayu pada zaman tradisional khususnya nama pengarang tidak dicatatkan.<sup>34</sup> Malah personaliti penulis dulu tidak diketahui. Ini adalah kerana suasana kehidupan intelektual dalam kebudayaan di zaman tradisional. Pada masa dulu seseorang individual dikawal oleh kebudayaannya dan tidak ada sebarang gelaran atau nama. Manakala Amin Sweeney menyatakan bahawa 'In fact, the actual delivery and consumption of the literature in the traditional Malay society was a communal activity.'<sup>35</sup> Selaras dengan kenyataan ini, C.H.Wake berpendapat bahawa persoalan mengenai siapakah pengarang Sejarah Melayu sukar diberi jawapan dan kemungkinan besar Bendahara adalah merupakan salah satu sumber utama dalam menawarkan maklumat tradisi-tradisi kerajaan Melayu Melaka. Menurutnya lagi, Bendahara mungkin telah mempengaruhi perjumpaan-perjumpaan di antara Orang-orang Besar dan rakyat biasa yang memiliki tradisi-tradisi kerajaan Melayu Melaka. Maka sesiapa di kalangan yang hadir dalam perjumpaan itu menurut Wake, menyumbangkan tradisi-tradisi mengikut versi mereka dalam penulisan Sejarah Melayu. Penulisan Sejarah Melayu adalah hasil usaha pujangga atau sarjana istana yang mendapatkan sumbangan maklumat tradisi-tradisi dari golongan diraja dan rakyat biasa.<sup>36</sup> Maka penulisan di zaman kerajaan Melayu Melaka adalah gabungan tenaga pelbagai pihak. Malahan nama pengarang sebenarnya tidak muncul dalam karya asal atau autograf Sejarah Melayu. Menurut Teuku Iskandar, hanya pada kurun ke-17 nama pengarang mula muncul dalam hasil penulisan sarjana-sarjana di Aceh<sup>37</sup> dan di Tanah Melayu nama pengarang muncul seawal-awalnya pada kurun ke-17 atau ke-18. Nama Tun Seri Lanang dan Tun Bambang misalnya diperlihatkan dalam Sejarah Melayu yang dihasilkan pada tahun 1612.

Menurut Muhd. Yusoff Hashim, hampir separuh daripada naskah-naskah Sejarah Melayu mengandungi nama Tun Seri Lanang.<sup>38</sup> Manakala beberapa naskah lain pula mencatatkan nama Tun Bambang, Raja Bongsu dan Orang Kaya Sogoh. Variasi nama dalam naskah-naskah ini menimbulkan kerumitan dalam menentukan siapakah penyelenggara versi Sejarah Melayu 1612? Pada pandangan penulis, kewujudan nama Tun Seri Lanang dalam hampir separuh daripada 32 naskah Sejarah Melayu memperlihatkan kepada kita bahawa kemungkinan besar beliau adalah penyelenggara pertama yang menyalin dari naskah autograf dan

menyempurnakan salinan Sejarah Melayu versi 1612. Ini adalah berdasarkan kepada petikan dari mukadimmah A. Samad Ahmad yang berbunyi demikian,

Hamba dengar ada Hikayat Melayu dibawa oleh orang dari Goa; barang kita perbaiki kiranya dengan istiadatnya, supaya diketahui oleh segala anak cucu kita yang kemudian daripada kita, dan boleh diingatkan oleh segala mereka itu. Dan adalah beroleh faedah ia daripadanya. Setelah fakir mendengar demikian, jadi beratlah atas anggota fakir allazi murakkabun ala jahili, Tun Muhammad namanya, Tun Seri Lanang timang-timangannya, Paduka Raja gelarannya, Bendahara, anak Orangkaya Paduka Raja...<sup>39</sup>

Petikan ini dengan jelas menyatakan bahawa Hikayat Sejarah Melayu yang sedia ada telah dibawa dari Goa dan dihulurkan kepada Tun Seri Lanang untuk diperbaiki. Kenyataan di atas merujuk peranan Tun Seri Lanang bukan sebagai pengarang naskah autograf tetapi editor naskah asal Hikayat Sejarah Melayu yang dibawa dari Goa. Petikan di atas juga tidak memberi satu gambaran yang jelas mengenai lokasi Goa dan kenapakah Hikayat Melayu dibawa dari Goa dan bukannya tempat lain. Dalam usaha mencari siapakah pengarang autograf Sejarah Melayu, kita harus meneliti dimanakah autograf Sejarah Melayu dikarang.

#### DIMANAKAH AUTOGRAF SEJARAH MELAYU DIKARANG?

Menuju kepada persoalan kedua iaitu dimanakah Sejarah Melayu dikarang? Usaha untuk mencari jawapan bagi persoalan di atas telah dimulakan oleh Winstedt pada tahun 1938 yang merujuk Pasir Raja, Johor sebagai tempat karangan teks Sejarah Melayu berdasarkan pada mukadimmah Raffles MS No.18.<sup>40</sup> Selain dari pandangan Winstedt, terdapat empat pandangan yang menawarkan empat jawapan yang berbeza mengenai Goa iaitu tempat di mana teks induk atau autograf Sejarah Melayu dikarang. Pertamanya, adalah penempatan Portugis di Goa, India. Ini adalah pandangan Gibson-Hill<sup>41</sup> (1956). Manakala pandangan kedua, kerajaan Goa di Sulawesi (Celebes), Indonesia yang dikemukakan oleh R.Roolvink<sup>42</sup> (1967) dan A. Samad Ahmad<sup>43</sup> (1979). Ketiga, Gua yang terdapat di utara Lipis di Pahang diusulkan oleh Linehan<sup>44</sup> (1947) dan keempat adalah Goha atau Goa di kepulauan Bintan, selatan Singapura yang dikeutarakan oleh C.H. Wake<sup>45</sup> dan I.A. Caldwell<sup>46</sup> (1997).

Memperhatikan isi dan kerangka umum Sejarah Melayu dalam bentuk yang sampai kepada kita dan dalam bilangan yang tidak terhingga iaitu 32 naskah dan 6 buah edisi Sejarah Melayu, sudah tentu kesulitan

akan berbangkit akibat variasi maklumat dalam versi-versi Sejarah Melayu berhubung dengan genesis Sejarah Melayu. Namun begitu, persoalan yang berhubung dengan lokasi karangan Sejarah Melayu tidak menimbulkan satu kontroversi genting jika dibandingkan dengan persoalan nama pengarang Sejarah Melayu. Kebanyakan versi Sejarah Melayu yang kita dapat saksikan pada hari ini memberi maklumat yang sama berhubung dengan nama tempat karangan Sejarah Melayu iaitu Goa. Namun demikian, Goa yang terletak di India dan Sulawesi tidak dapat diterima sebagai tempat asalnya autograf Sejarah Melayu kerana pengarang tidak perlu meninggalkan Tanah Melayu untuk mengarang karya agung ini. Penulis ingin menyangkal pandangan pertama dan kedua, dan seterusnya memberi perhatian kepada pandangan ketiga dan keempat. Pandangan ketiga adalah dari Linehan yang berpendapat bahawa Goa iaitu Gua Sai di tebing Sungai Jelai, utara Kuala Lipis atau kawasan bergua Kota Gelanggi di Pahang merupakan tempat di mana Sejarah Melayu dikarang.<sup>47</sup> Pendapatnya adalah berdasarkan kepada peristiwa-peristiwa sejarah yang berlaku selepas kejatuhan Melaka pada tahun 1511 apabila Sultan Mahmud, Sultan terakhir Melaka melarikan diri ke Pahang dan menetap di Pahang selama setahun. Menurut Linehan, Sultan Mahmud semestinya telah membawa teks Sejarah Melayu bersamanya ke Pahang dan teks tersebut disalin semula dengan memuatkan sejarah tempatan Pahang dan juga peristiwa penyerangan Portugis terhadap Pahang pada tahun 1512.<sup>48</sup> Persoalannya bagaimanakah pengarang naskah autograf Sejarah Melayu dapat memuatkan kisah-kisah yang berlaku di Bentan, Kampar dan Johor antara tahun 1512-1535 dengan berada di Gua, Pahang?

Idea yang cuba dikemukakan oleh Linehan adalah bahawa naskah autograf Sejarah Melayu dipelihara di Pahang sehingga tahun 1612. Apabila Pahang diserang dan ditawan oleh Johor pada tahun 1612, naskah Sejarah Melayu yang tersimpan di Gua Sai, di utara Kuala Lipis kemudiannya dibawa ke Johor untuk penyelenggaraan selanjutnya.

When Johore forces invaded Pahang in 1612 A.D. they managed to obtain, at a place popularly known as Goa (probably the Gua north of Kuala Lipis where ancient gold-fields were situated), this version of the Annals, and it became known as 'the history from Goa'. A Johore annalist then proceeded to 'improve' it.<sup>49</sup>

Pandangan Linehan tidak dapat diterima kerana naskah autograf Sejarah Melayu tidak mungkin diusahakan di Pahang. Ini adalah disebabkan oleh kisah-kisah dalam Bab 23 hingga 29 naskah autograf Sejarah Melayu

mengambil tempat di selatan negeri Johor iaitu di Pulau Bentan antara tahun 1512-1524. Selepas kejatuhan Melaka, Sultan Mahmud mendirikan kerajaannya di Bentan, Johor. Penulisan Sejarah Melayu khususnya bab-bab terakhir adalah berdasarkan pada pengalaman pengarang Sejarah Melayu. Pemerintahan Sultan Mahmud di Bentan adalah dicatatkan oleh seorang pengarang yang telah mengalami peristiwa-peristiwa politik di Bentan dan kemudiannya di Kampar dan Johor.

Sub-topik yang berbunyi 'Goa Yang Di Mana?' dalam artikel Sulalat us-Salatin Raja Bungsu: Beberapa Persoalan, Abdul Rahman Ismail membangkitkan persoalan lokasi Goa yang mana satu Sejarah Melayu dikarang. Beliau membincangkan tiga pandangan utama dari C.A. Gibson Hill, W. Linehan dan A.Samad Ahmad dan akhirnya bersetuju dengan pandangan W. Linehan.<sup>50</sup> Mengikut Abdul Rahman Ismail, 'naskah asal [autograf] yang diselamatkan ke Gua di Pahang selepas 1535 dan dibawa kembali ke Johor pada 1612'.<sup>51</sup> Beliau tidak membincangkan secara mendalam bagaimanakah dan kenapakah naskah asal diselamatkan ke Gua di Pahang? Abdul Rahman Ismail dalam sub-topiknya 'Goa Yang mana Satu' tidak mengemukakan langsung pandangan Wake mengenai kota Goa di Bentan.

Mengikut catatan Sejarah Melayu penempatan baru Sultan Mahmud telah diasaskan di Kopak, Bentan pada penghujung tahun 1512 atau awal tahun 1513.<sup>52</sup> Mengikut kajian Ian Macgregor dalam 'Johor Lama in the Sixteenth Century' (1955), Sultan Mahmud tidak mungkin membentuk pusat pemerintahan baru di Johor tetapi pusat baru itu diwujudkan di Bentan pada Januari 1513. Kemungkinan besar perhentian di Johor adalah untuk satu jangkawaktu singkat sementara mencari penempatan yang lebih strategik. Menurut Macgregor,

it would seem that between August 1511 and January 1513 there was little time for the heads of the Malacca dynasty to establish a 'city at the extremity of the peninsula', let alone at Johor Lama. It is, of course, possible that a temporary stop was made somewhere on the Johor river. And even if a short stop was made, it could hardly be called the establishment of a city. Sultan Mahmud had established himself at Bintan by January 1513.<sup>53</sup>

Kebanyakan peneliti Portugis seperti Albuquerque, Castanheda, Barros, dan Andrade serta pengkaji orientalis seperti Francois Valentijn, Thomas Bradell, Shellabear, Wilkinson, Winstedt dan Macgregor menyatakan pandangan yang sama dengan teks Sejarah Melayu berhubung dengan perjalanan Sultan Mahmud dari Pahang ke penempatan baru di Bentan selepas dikalahkan oleh Portugis pada 1511. Sumber-sumber

Portugis ternyata jelas dalam memberi pandangan yang sama berkenaan dengan penempatan Sultan Mahmud di Bentan selepas kejatuhan Melaka.

Portugese sources are all clear on one point: that the sultan of Malacca or his heir established himself at Bintan soon after the fall of Malacca.<sup>54</sup>

Mengikut pengkaji-pengkaji ini, selepas Sultan Melaka dikalahkan oleh Portugis, Sultan Mahmud melarikan diri ke Batu Hampar, kemudiannya ke Muar, dan sampai ke Pahang dan menetap selama setahun di situ dan kemudiannya melarikan diri melalui Sungai Johor dan akhirnya membuka penempatan baru di Bentan. Antara beberapa petikan pengkaji orientalis ini yang menghuraikan kenyataan di atas:

1. Thomas Bradell

the sultan established himself on the banks of the Johore river after fall of Bintan in 1526.<sup>55</sup>

2. Francois Valentijn

after Albuquerque had conquered Malacca, sultan Mahmud's son [Alauddin], having collected the fugitives, was defeated a second time and compelled to flee to the island of Bintam (situated opposite to Singapore) where he fortified himself in spite of its prince.<sup>56</sup>

3. R.O. Winstedt

From Pahang, according to the Annals, sultan Mahmud sailed to Bentan, Bintan or Bintang, as it is variously spelt, namely the island of Riau.<sup>57</sup>

4. R.J. Wilkinson

The Malay princes then took refuge for a time in Pahang, after which they established themselves far up the Johor river where they were relatively safe from attack. Settlements far up a river are, however, of very little use for trade or piracy, so- the Malays regained confidence - they moved southwards and established in the island of Bintang.<sup>58</sup>

5. Sejarah Melayu

Maka Sultan Ahmad pun undur ke hulu Muar lalu ke Pagoh. Akan Sultan Mahmud Shah diam di Batu Hampar. Maka Sultan Ahmad membuat kota pula

di Bentayan. Maka Feringgi pun datang ke Muar menyerang Pagoh. Bermula Sultan Ahmad pun undur ke hulu Muar. Maka Sultan Ahmad Shah dan ayah baginda Sultan Mahmud Shah pun berjalanlah dari hulu Muar lalu ke Pahang. Maka dari Pahang baginda lalu ke Bentan. Maka Sultan Ahmad berbuat negeri di Kopak.<sup>59</sup>

Kopak di Pulau Bentan<sup>60</sup> yang dikatakan sebagai lokasi penulisan teks Sejarah Melayu membentuk pandangan yang keempat dan pandangan ini telah dikemukakan sekitar tahun 1980an. Dua sarjana yang mengemukakan Kopak, Bentan sebagai pusat karangan Sejarah Melayu iaitu C.H. Wake dan I.A. Caldwell. C.H. Wake telah memberi beberapa saranan yang meyakinkan mengenai tempat karangan autograf Sejarah Melayu dalam artikel beliau bertajuk 'Melaka in the Fifteenth Century: Malay Historical Traditions and the Politics of Islamization' (1983).

Apabila Wake merujuk sumber Belanda yang tersimpan di Arkib Nasional Jakarta, beliau telah menonjolkan satu penemuan baru mengenai lokasi Goa. Menurut beliau,

Goa being the name of an old kota in Sungai Bentan, on Bentan Island, where the court sought refuge after the fall of Melaka.<sup>61</sup>

Hujah Wake amat menarik perhatian penulis kerana beliau mendakwa bahawa penulisan autograf Sejarah Melayu mengambil tempat di sebuah kota lama yang bergelar Goa, terletak di Kopak, Sungai Bintan, Pulau Bintan.<sup>61</sup> (Sila rujuk Peta 1). Wake percaya bahawa Sejarah Melayu pada asalnya merujuk kepada hikayat Orang Kaya Sogoh dari Goa, Pulau Bintan, yang merupakan pusat pemerintahan terpenting bagi Kesultanan Melayu Melaka selepas kejatuhan kerajaan Melayu Melaka ke tangan Portugis pada tahun 1511.

Menurut Wake, empat versi manuskrip iaitu Maxwell 35, 39, 80 dan Farquhar 5 - merujuk kepada nama lokasi yang sama seperti dalam petikan berikut, 'suatu cerita yang dibawa oleh Orang Kaya Sogoh dari Goa'. Raffles 68 pula merakamkan, 'suatu cerita Melayu yang berada di tangan Orang Kaya Suku dari Goha'. Manakala manuskrip Maxwell 26 menyatakan, 'Malay history brought by people from Goha' (Wake, 1983:134). Manakala terjemahan Leyden mencatatkan, 'Satu cerita Melayu [...] dibawa oleh Orang Kaya dari tanah Gua' (Leyden, 1821:1). Wake mendakwa bahawa bacaan yang berbeza-beza di atas menandakan pencemaran fakta dalam teks. Menurut Wake perkataan 'Sogoh' dengan ejaan 'Goha' dan 'Goa' memperlihatkan pembacaan yang salah. Wake percaya bahawa Hikayat Melayu pada asalnya merujuk kepada hikayat

Orang Kaya Sogoh dari Goha yang mungkin hidup sehingga pertengahan kurun ke-16. Kemunculan nama Goha atau Goa di Mukadimmah manuskrip di atas menyebabkan Wake menyarankan bahawa Goa, Bentan adalah lokasi di mana autograf Sejarah Melayu dikarang.<sup>63</sup> Manakala I.A. Caldwell menegaskan bahawa Goa, Bentan adalah tempat di mana teks autograf Sejarah Melayu dikarang. Pandangan beliau adalah berdasarkan penempatan Sultan Melaka terakhir di Bentan dari tahun 1518 sehingga 1528.<sup>64</sup>

Pada pandangan penulis, teks autograf Sejarah Melayu telah dikarang di Goa, Bentan.<sup>65</sup> Kenyataan ini adalah berdasarkan kepada Sejarah Melayu (terjemahan C.C.Brown) terutamanya Bab 23 yang mengkisahkan bahawa selepas kejatuhan Melaka pada tahun 1511, penempatan baru telah dibuka di Kopak, Bentan dan dari Bab 23 hingga ke Bab 29, kita dapat menyaksikan pemerintahan Sultan Melaka berpusat di Bentan selama lebih satu dekad, 1512-1524. Mengikut Sejarah Melayu,

maka Sultan Mahmud Shah kembalilah ke hadrat Allah. Adapun umur baginda kerajaan di Melaka tiga puluh tahun, maka Melaka pun alah dari Muar lalu ke Pahang setahun, di Bentan baginda dua belas tahun, di Kampar lima tahun (Brown, 1952:193).

Petikan di atas menunjukkan period pemerintahan Sultan Mahmud di Bentan iaitu selama 12 tahun yang merupakan tempoh paling sesuai untuk menghasilkan sebuah karya seperti Sejarah Melayu. Tambahan pula, edisi C. C. Brown dari versi Raffles MS No.18 yang tamat dengan peristiwa serangan Portugis ke atas Pekan Tua di hulu Sungai Johor pada 1534 memperlihatkan kepada kita pengarang autograf Sejarah Melayu sudah pasti hidup sehingga tahun 1530an dan berjaya menyempurnakan hampir keseluruhan penulisan autograf Sejarah Melayu di Bentan (12 tahun) dan meneruskan penulisan bahagian terakhir Sejarah Melayu di Kampar (5 tahun) dan Johor (7 tahun). Berdasarkan pada perbincangan di atas, naskah autograf Sejarah Melayu telah dihasilkan sebelum tahun 1612. Namun demikian, keseluruhan naskah Sejarah Melayu memperlihatkan catatan tahun 1612 sebagai permulaan proses penyelenggaraan naskah tersebut. Maka bilakah autograf Sejarah Melayu dikarang?

## BILAKAH AUTOGRAF SEJARAH MELAYU DIKARANG?

Jikalau kita menerima kota Goa, yang berpusat di Kopak, Bentan sebagai tempat karangan teks autograf Sejarah Melayu, maka tarikh karangannya sudah pasti berlegar sekitar tahun 1512 sehingga 1524. Selepas kejatuhan Melaka pada tahun 1511, pengarang Sejarah Melayu telah menyedari betapa pentingnya untuk merakamkan peristiwa-peristiwa penting sejarah keagungan kerajaan Melayu Melaka dan selanjutnya mengambil usaha untuk mengumpul dan mengorganisasi tradisi-tradisi Sejarah Melayu sebelum hilang atau pudar dari pengetahuan atau ingatan pengarang dan keluarga diraja yang masih hidup pada ketika itu.

Kebanyakan pendapat adalah sama mengenai bilakah Sejarah Melayu dikarang dan dapat diperhatikan dari tahun yang memang tidak asing lagi bagi sarjana Barat dan Timur iaitu pada tahun 1612. Misalnya petikan dari edisi Sejarah Melayu A. Samad Ahmad yang berbunyi, "...seribu dua puluh satu tahun, pada tahun dal, pada dua belas hari bulan Rabi u-l-awal pada hari Khamis..".<sup>66</sup> Kenapakah tahun ini dipilih? Menurut Teuku Iskandar, hampir keseluruhan manuskrip Sejarah Melayu mencatatkan bahawa teks ini diarahkan untuk ditulis pada 12hb Rabiulawal A.H. 1021 atau bersamaan dengan 13hb Mei 1612.<sup>67</sup> Sebenarnya, Raja DiHilir telah mengarahkan naskah Sejarah Melayu 'diperbaiki' pada tahun 1612 dan bukannya untuk ditulis.<sup>67</sup> Namun demikian, adakah tahun ini dapat diterima secara kritikal? Apakah proses penyelenggaraan bermula pada tahun 1612 atau tamat pada tahun 1612? Ini adalah kerana pada tahun 1612, Aceh telah memulakan kempen peperangan ke atas Johor.<sup>69</sup>

Teuku Iskandar membuat kesimpulan daripada laporan Verhoeff, Admiral Belanda bahawa Tun Seri Lanang menyiapkan penulisan Sejarah Melayu pada tahun 1615 dan hidup sampai 1624.<sup>70</sup> Namun beliau tidak menyatakan bilakah Tun Seri Lanang memulakan penulisan teks agung ini mahupun tarikh kelahiran Tun Seri Lanang. Berhubung dengan persoalan bilakah Sejarah Melayu dikarang, Muhd. Yusoff Hashim menyatakan bahawa,

mengapakah dalam kedua-dua resensi dan daripada versi-versi sedemikian, Raja Bongsu dan Tun Seri Lanang menamatkan kisahnya sehingga tahun 1612? Sedangkan, secara kebetulan juga, pada tarikh itulah Sejarah Melayu dikarang (disusun semula). Hal ini berkait dengan perkembangan sejarah yang berlaku di Johor ketika itu. Sebelum menghadapi ancaman dari Jambi, Johor menghadapi persaingan dari kuasa Aceh pula. Serangan bertubi-tubi dilakukan [ke atas] Johor oleh Iskandar Muda Mahkota Alam Syah, termasuklah satu siri peperangan yang bermula pada tahun 1613. Besar kemungkinan, peristiwa serangan ini telah

menamatkan tugas perawian semula Sejarah Melayu yang hanya setakat tahun 1612.<sup>71</sup>

Pandangan Muhd. Yusoff Hashim menjelaskan kepada kita bahawa usaha penyusunan semula Sejarah Melayu oleh Tun Seri Lanang<sup>72</sup> terpaksa dihentikan pada tahun 1612 akibat krisis politik yang dialami oleh Johor terutamanya dalam menghadapi peperangan dengan Aceh. Malah awal kurun ke-17 menandakan permulaan zaman krisis politik Johor. Dalam keadaan yang genting ini, sudah pasti penulisan mahupun penyusunan semula sukar dilakukan kerana Johor terlibat dalam kancah peperangan Segitiga dengan Aceh dan Jambi. Idea Teuku Iskandar tentang tempoh pengarang Sejarah Melayu boleh dipertikaikan kerana penulisan Sejarah Melayu tidak mungkin bermula pada tahun 1612 dan disiapkan pada tahun 1615 kecuali jangkawaktu ini lebih relevan untuk penyusunan semula. Penyusunan semula Sejarah Melayu pada saat-saat ini iaitu antara 1612-1615 semestinya memberi tekanan yang hebat kepada penyelenggara kerana Johor menghadapi konflik peperangan. Menurut Muhd. Yusoff Hashim, selepas tahun 1612, seorang penyalin lain berpeluang menyalin semula daripada naskah salinan yang pertama dengan menyadur semula, menyisipkan perkara-perkara baru, dan menghilangkan salasilah raja-raja Perak tetapi menonjolkan pula salasilah raja-raja Johor.<sup>73</sup>

Pada pandangan penulis, pengarang autograf Sejarah Melayu telah mengarang *masterpiece* ini di kota Goa, Kopak, yang terletak di Pulau Bentan di antara tahun 1513-1524. Penempatan selama setahun tidak memungkinkan pengumpulan dan penulisan Sejarah Melayu di Pahang dan lima tahun di Kampar. Kerja-kerja penulisan autograf ini kemungkinan besar telah dimulakan di Bentan pada tahun 1512 atau 1513 sebaik sahaja Sultan Mahmud menubuhkan kerajaan baru di Kopak. Selepas kejatuhan Melaka pada tahun 1511, pengarang telah menyedari betapa pentingnya untuk merakamkan peristiwa-peristiwa penting sejarah keagungan kerajaan Melayu Melaka dan selanjutnya mengambil usaha untuk mengumpul dan mengorganisasi tradisi sebelum tradisi-tradisi tersebut pudar dari pengetahuannya atau ingatannya. Daripada versi Raffles MS No. 18, yang tamat dengan peristiwa serangan Portugis ke atas Pekan Tua di hulu Sungai Johor pada 1534, kita boleh membuat kesimpulan bahawa pengarang Sejarah Melayu sudah pasti hidup sehingga tahun 1530an dan berjaya menyempurnakan *masterpiece* tersebut. Kebanyakan karangan telah diusahakan di Bentan dan pengarang yang sama meneruskan pengarangannya ke Johor. Maka tahun 1612 tidak

dapat diterima sebagai tahun karangan autograf Sejarah Melayu kerana pengarang tidak perlu menunggu selama 100 tahun untuk merekodkan kembali tradisi-tradisi kerajaan Melayu Melaka. Pada pandangan penulis, tahun 1612 memperlihatkan dua kemungkinan sama ada penyelenggaraan naskah Sejarah Melayu dimulakan atau ditamatkan.

Winstedt<sup>74</sup>, Yusoff Iskandar dan Abdul Rahman Kaeh<sup>75</sup> mempunyai pandangan yang sama berhubung dengan tarikh karangan autograf Sejarah Melayu iaitu di antara tahun 1511 sehingga 1535. Pandangan Winstedt adalah berasaskan kepada penempatan Sultan Mahmud di Bentan selama 12 tahun dan diikuti dengan penempatan di Kampar untuk 5 tahun dan Johor 7 tahun. Menurut Winstedt, peristiwa sejarah yang tercatat dalam bab terakhir Raffles MS. No. 18 hanya sampai ke bulan Jun 1535 ketika Portugis menyerang kubu di Sungai Telor, cabang Sungai Johor.<sup>76</sup> Menurut Hsu Yun Tsiao, kisah yang berkenaan dengan penyerangan ke Sungai Johor oleh 400 askar Belanda yang diketuai oleh Dagama (Dom Estevao de Gama) pada tahun 1536 tidak tercatat dalam Raffles MS No. 18. Apa yang dapat disimpulkan adalah bahawa pengarang autograf Sejarah Melayu sudah meninggal dunia sebelum penyerangan tahun 1536.<sup>77</sup>

Namun demikian, pandangan mengenai tarikh karangan Sejarah Melayu yang dikeutarakan oleh Yusoff Iskandar dan Abdul Rahman Kaeh tidak disokong dengan bukti yang jelas. Di samping menyokong pandangan Winstedt, kedua-dua sarjana ini hanya mengemukakan tahun karangan tanpa huraian yang jelas.

Bahawa intipati (nucleus) asal SM telah ditulis oleh seorang penulis Melaka yang mungkin hidup pada zaman pemerintahan Sultan Mahmud Shah (1488-1511); beliau mungkin juga hidup dan terus menulis peristiwa-peristiwa sejarah yang dialami oleh raja-raja Melaka hingga ke tahun 1535 selepas Melaka diserang oleh Portugis.<sup>78</sup>

Teks Sejarah Melayu dipercayai diturunkan dalam bilangan salinan yang banyak sekali dan didapati setiap kali usaha menyalin Sejarah Melayu dilakukan banyak versi yang dihasilkan. Tambahan pula, usaha menyalin ini diikuti dengan usaha memperbaiki dan penambahan fakta supaya Sejarah Melayu menjadi salinan terbaik. Kita tidak mengetahui sejauhmanakah autograf Sejarah Melayu telah diperbaiki oleh penyalin-penyalin dan adakah proses pembaikan serta penyalinan ini akan memberi gambaran yang sebenarnya mengenai genesis Sejarah Melayu. Daripada perbincangan di atas didapati teks autograf Sejarah Melayu telah dihasilkan pada kurun ke-16 manakala salinan daripada karya asal dihasilkan selepas kurun ke-16. Kemungkinan besar Tun Seri Lanang adalah

penyalin pertama teks autograf Sejarah Melayu yang memasukkan kisah-kisah politik yang berlaku di Johor dan Pahang.

## RUMUSAN

Perbincangan mengenai genesis autograf Sejarah Melayu sejak seratus tahun yang lalu telah merangsang sarjana-sarjana sastera dan sejarah Melayu untuk menghasilkan satu jawapan yang dapat memenuhi kekurangan pandangan-pandangan yang sebelumnya. Sehingga kini terdapat 32 naskah Sejarah Melayu dengan 6 edisi beserta dengan puluhan artikel dan buku yang membincangkan genesis Sejarah Melayu tetapi belum ada satu persetujuan sepadu antara sarjana-sarjana Sejarah Melayu. Artikel ini telah cuba untuk menjawab persoalan asal-usul Sejarah Melayu dengan menyedari akan kompleksiti mengenai genesisnya dan juga sumber-sumber yang sedia ada. Daripada sumber-sumber Sejarah Melayu yang kita miliki, beberapa keputusan dapat dicapai berhubung dengan nama pengarang, lokasi dan period penulisan autograf Sejarah Melayu. Apa yang dapat dirumuskan daripada perbincangan di atas adalah bahawa teks autograf Sejarah Melayu adalah Hikayat Melayu yang dibawa dari Goa yang merujuk kepada kota Goa, yang terletak di Kopak, Bentan. Autograf Sejarah Melayu kemungkinan besar telah diusahakan lebih kurang di antara tahun 1513 sehingga 1530an oleh seorang pengarang yang namanya tidak diketahui.

## NOTA

1 Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Dr. Nabir Hj. Abdullah dan Dr. Kanji Nishio dalam memberi kritikan yang mendalam ke atas deraf awal artikel ini. Segala bukti dan interpretasi yang dipersembahkan di sini adalah tanggungjawab penulis.

2 C.C. Brown, (ed.), 'The Sejarah Melayu or 'Malay Annals', A translation of Raffles MS 18 (in the library of the Royal Asiatic Society, London) with commentary', *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, Vol. 25, 1952, hal. 7-276. Raffles MS No.18 telah diterjemahkan pertama kali ke dalam Bahasa Melayu oleh Winstedt pada tahun 1938, kemudiannya disusuli oleh C.C. Brown yang menterjemahkannya ke dalam Bahasa Inggeris, 1952; dan diterjemahkan kali kedua ke dalam Bahasa Melayu oleh Prof. Dr. Muhd. Haji Salleh pada 1997 dan diikuti oleh Prof. Madya Dr. Abdul Rahman Haji Ismail pada tahun 1998.

3 Muhammad Yusuff Hashim, *Pensejarahan Melayu: Kajian tentang tradisi sejarah Melayu Nusantara*, Teks Publishing, Kuala Lumpur, 1992, hal. 135.

4 A.H. Johns, 'The turning image: Myth and reality in Malay perceptions of the past' dlm. Anthony Reid and David Marr, (ed.), *Perceptions of the past in Southeast Asia*, Heinemann Educational Books, Singapore, 1979, hal. 158.

5 Muhammad Yusuff Hashim, *Pensejarahan Melayu...*, hal. 124-127.

6 H.M.J. Maier, *In the centre of authority: The Malay Hikayat Merong Mahawangsa*, Cornell University, New York, 1988, hal. 16.

7 Ali Ahmad, *Karya-karya sastera bercorak sejarah*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1987, hal. 57.

8 A. Samad Ahmad, *Sulalatus Salatin (Sejarah Melayu)*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1979, hal. xxi.

9 Ibid.

10 Cheah Boon Kheng, 'The rise and fall of the great Melakan Empire: Moral Judgement in Tun Bambang's *Sejarah Melayu*, *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, Vol. 71, 1998, hal. 105.

11 Teuku Iskandar, 'Three Malay Historical Writings in the first half of the 17th Century', *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, Vol. 40, 1967, hal. 38-53.

12 Liaw Yock Fang, *Sejarah Kesusasteraan Melayu Klasik*, Pustaka Nasional Singapura, Singapura, 1975.

13 A. Samad Ahmad, *Sulalatus Salatin (Sejarah Melayu)*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1979, hal. 1-354.

14 Muhd. Yusof Ibrahim dan Mahayudin Haji Yahaya, *Sejarawan dan pensejarahan: Ketokohan dan karya*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1988, hal. 227-245.

15 Muhammad Hj. Salleh, *Sulalat al-Salatin ya'ni Perteturun Segala Raja-Raja (Sejarah Melayu)*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1997, hal. 1-321.

16 Muhd. Yusuff Hashim, *Pensejarahan Melayu...*, hal. 121-143.

17 Siti Hawa Salleh, 'Permasalahan genre dalam Sastera Melayu tradisional, dalam *Dewan Sastera*, Januari 1999, hal. 7-10.

18 Yusoff Iskandar dan Abdul Rahman Kaeh, 1978, *Sejarah Melayu: Satu pembicaraan kritis dari pelbagai bidang*, Heinemann Educational Books, Kuala Lumpur, hal. 5.

19 Raffles MS No. 18 dipercayai sebagai naskah yang paling hampir kepada kitab asal atau naskah induk *Sejarah Melayu*. Blagden Winstedt, Hsu Yun Tsiao, Roolvink dan Muhd. Haji Salleh, Cheah Boon Kheng serta Abdul Rahman Ismail bersependapat bahawa naskah Raffles MS No. 18 adalah lebih asli sifatnya dan versi *Sejarah Melayu* yang tertua dijumpai yang hampir kepada teks induk atau autograf *Sejarah Melayu*.

20 Sila lihat R. Roolvink, 'The variant versions of the Malay Annals', *Bijdragen tot de Taal-, Land- en Volkenkunde*, Vol. 123, 1967, hal. 310-311.

21 C.H. Wake, 'Melaka in the Fifteenth century: Malay historical traditions

- and the politics of Islamization', dalam K.S. Sandhu and P. Wheatly, (ed.), *Melaka: The transformation of a Malay Capital c. 1400-1980*, Oxford University, Kuala Lumpur, 1983, hal. 134.
- 22 Ibid., hal. 133-134.
- 23 John Leyden, *Malay Annals: Translated from the Malay language*, Longman, Hurst, rees, Orme and Brown, London, 1821, hal.1.
- 24 C.H. Wake, 'Melaka in the...', hal. 134.
- 25 Ibid.
- 26 R.O. Winstedt, 'The Malay Annals or Sejarah Melayu: The Earliest Recension from MS 18 of the Raffles Collection in the Library of Royal Asiatic Society, London', in *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, 1938, hal. 27-28.
- 27 Hsu Yun Tsiao, 'Meninjau Sejarah Melayu dari segi penilaian sejarah', dalam Zahrah Ibrahim, (peny.), *Sastera sejarah: Interpretasi dan penilaian*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1986, hal. 45-46.
- 28 Cheah Boon Kheng, 'The Rise and...', hal. 105.
- 29 Abdul Rahman Ismail, 'Sulalat us-Salatin Raja Bungsu-Beberapa Persoalan', dalam Cheah Boon Kheng (peny.), *Sejarah Melayu: The Malay Annals*, The Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society. 1998, hal. 10.
- 30 Winstedt, 'The Malay Annals...', hal. 40.
- 31 Cheah Boon Kheng, 'The Rise and...', hal. 105. Sila juga rujuk Cheah Boon Kheng, 'Ketidakadilan Raja dan keruntuhan Kerajaan Melaka: Pengadilan moral dalam Sejarah Melayu', dalam Qasim Ahmad, (peny.), *Kekerasan dalam Sejarah: Masyarakat dan pemerintah*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1993, hal. 66-91.
- 32 Cheah Boon Kheng, (peny.), *Sejarah Melayu: The Malay Annals*, The Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society, 1998, hal. viii.
- 37 Yusoff Iskandar dan Abdul Rahman Kaeh, *Sejarah Melayu: Satu Pembicaraan...*, hal. 7 & 8.
- 38 Teuku Iskandar, 'Three Malay historical...', hal. 41.
- 39 Amin Sweeney, *Authors and Audiences in traditional Malay literature*, University of California, Berkeley, 1980, hal. 25-26.
- 40 C.H. Wake, 'Melaka in the...', hal. 133.
- 41 Teuku Iskandar, 'Three Malay...', hal. 41.
- 42 Muhd. Yusoff Hashim, *Pensejarahan Melayu...*, hal. 135-139.
- 43 A. Samad Ahmad, *Sulalatus Salatin...*, hal. 2.
- 44 R.O. Winstedt, *The Malay Annals...*, hal. 40.
- 45 C.A. Gibson Hill, 'The Malay Annals: The history brought from Goa', *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, Vol. 29, 1956, hal. 185.
- 46 R. Roolvink, 'The variant versions of the Malay Annals', *Bijdragen tot de Taal-, Land- en Volkenkunde*, Vol. 123, 1967, hal. 310-311.
- 47 A. Samad Ahmad, *Sulalatus Salatin...*, hal. xxiii & xxiv.
- 48 W. Linehan, 'Notes on the texts of the Sejarah Melayu', *Journal of the*

- Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society, Vol.20, 1947, hal. 116.
- 49 C.H. Wake, 'Melaka in the...', hal. 134.
- 50 Personal Communication dengan Dr. Ian Caldwell pada 15 Mac 1997.
- 51 W. Linehan, 'Notes on the...', hal. 112-115.
- 52 Ibid., hal. 116.
- 53 Ibid.
- 54 Abdul Rahman Haji Ismail, 'Sulalat us-Salatin...', hal.17-20.
- 55 Ibid., hal. 20.
- 56 C.C. Brown, 'The Sejarah Melayu...', hal. 193.
- 57 Ian Macgregor, 'Johore Lama in the sixteenth Century', Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society Vol. 28, 1955, hal. 73.
- 1955, hal. 73.
- 58 Ibid., hal. 61.
- 59 Ibid., hal. 56.
- 60 Ibid., hal. 49.
- 61 Ibid., hal. 58.
- 62 Ibid., hal. 57.
- 63 C.C. Brown, 'The Sejarah Melayu...', hal. 169.
- 64 Pulau Bentan (Bintan) dalam Sejarah Melayu mendapat namanya daripada sebuah bukit yang tertinggi di pulau tersebut atau mungkin juga dari nama Sungai Bintan. Bentan merupakan pulau terbesar di Kepulauan Riau Lingga dan terletak lebih kurang 30 batu ke tenggara Singapura dan kini membentuk sebahagian daripada Republik Indonesia. Sila rujuk Peta 1.
- 65 C.H. Wake, 'Melaka in the...', hal.134 & 156.
- 66 Ibid., hal. 134.
- 67 Ibid.
- 68 Temubual dengan Dr. Ian Caldwell pada 15 Mac 1997.
- 66 Thilagavathi Vasudevan, 'Form Criticism and the Sejarah Melayu', Tesis Sarjana, University of Hull, England, Februari 1998, hal. 33-34.
- 67 A. Samad Ahmad, 'Sulalatus Salatin...', 1979, hal. 2.
- 68 Teuku Iskandar, 'Three Malay...', hal. 44.
- 69 A.Samad Ahmad, 'Sulalatus Salatin...', hal.2.
- 70 Muhd. Yusuff Hashim, 'Pensejarahan Melayu...', hal. 138-139
- 71 Ibid., hal. 41-42.
- 72 Muhd. Yusoff Hashim, 'Pensejarahan Melayu...', hal. 138-139.
- 73 Ibid., hal. 133.
- 74 Ibid.
- 75 R.O.Winstedt, 'The Malay Annals...', hal. 27.
- 76 Yusoff Iskandar dan Abdul Rahman Kaeh, 'Sejarah Melayu...', hal. 7-8.
- 77 R.O. Winstedt, 'The Malay Annals...', hal. 30.
- 78 Hsu Yun Tsiao, 'Meninjau Sejarah Melayu...', hal. 41. Lihat juga I.A. McGregor, 'Johore Lama in...', hal. 48-125 dan C. A. Gibson Hill, 'The Malay Annals', hal. 185-186.
- 78 Yusoff Iskandar dan Abdul Rahman Kaeh, 'Sejarah Melayu...', hal. 7.